

# Najib dijangka dedah lebih banyak pemindahan wang

BH - 9/12/2019 mb: 19

Perbicaraan minggu ini bongkar transaksi dari dalam, luar negara

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
sitinurazlinee@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak dijangka mendedahkan lebih banyak lagi perkara berhubung pemindahan wang ke dalam akaunnya, termasuk transaksi dari dalam dan luar negara, ketika perbicaraan minggu ini.

Bekas Perdana Menteri itu, minggu lalu mendedahkan baha-

wa wang berjumlah RM3.217 bilion daripada pihak luar dimasukkan ke dalam akaun AmBank miliknya antara 2011 hingga 2013.

Kemasukan wang berkenaan diberitahu bekas Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias, kepada Ahli Parlimen Pekan itu secara berkala.

Allahyarham Azlin pula mendapat tahu mengenai perkara terbabit daripada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Menurutnya, dia bagaimana-pun tidak mengetahui butiran transaksi secara terperinci wang yang didakwa dimasukkan ke dalam akaun 694 yang dikatakan miliknya dari tahun 2011 hingga 2013 itu.

Jelasnya lagi, dia hanya diberitahu bahawa wang yang dimasukkan dari luar negara itu adalah dalam mata wang dolar Ame-



Najib Razak

rika Syarikat (AS).

Tambahnya lagi, dia turut menerima beberapa surat melalui Allahyarham Azlin, dikatakan daripada wakil Raja Abdullah, sebagai bukti derma yang diterimanya antara 2011 hingga 2013, yang diserahkan kepada Allahyarham Azlin oleh Jho Low.

Menceritakan lanjut menge-

nai perkara itu, Najib memberitahu mahkamah dia mengetahui mengenai transaksi kemasukan wang berjumlah AS\$800 juta daripada Raja Abdullah selepas rakaman percakapannya diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dia (Najib) turut ditunjukkan sepucuk surat bertarikh 1 Mac 2013, yang mana dikatakan adalah daripada wakil sah Raja Abdullah.

Surat itu menyatakan bahawa Raja Abdullah mengurniakan sejumlah wang AS\$800 juta sebagai hadiah, yang mana ia boleh dibelanjakan atas budi bicara mutlak tertuduh (Najib).

Perbicaraan yang masuk hari ke-61 hari ini akan bersambung dengan keterangan bela diri Najib menerusi pernyataan saksi setebal 243 muka surat.